



JABATAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

EDISI 2022



# INSPIRASI

KEJAYAAN ALUMNI

INSTITUSI LATIHAN  
JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)



**BE** INSPIRED,  
EXTRAORDINARY,  
WORLD CLASS  
with **TVET**



# KATA ALUAN KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA MANUSIA



## ***“TVET Pemacu Kemajuan Negara”***

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu, saya memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga ke atas penerbitan buku **Inspirasi Kejayaan Alumni ILJTM Edisi 2022**. Kejayaan penerbitan ini menunjukkan bahawa JTM sentiasa mengikuti perkembangan graduan kami dan prihatin dengan keperluan mereka walaupun mereka telah berada di alam pekerjaan.

Inspirasi Kejayaan Alumni ILJTM Edisi 2022 adalah **kompilasi kejayaan dan profil graduan** daripada Institusi Latihan Jabatan Tenaga manusia (ILJTM) yang terdiri daripada Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP). Sebagaimana sedia maklum, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan **pemacu dalam melahirkan tenaga mahir yang berkemahiran tinggi**, sekaligus membantu negara mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga kerja asing.

JTM komited dalam **menyediakan modal insan berkemahiran** untuk pasaran kerja bagi menyokong pembangunan dan kemajuan negara dan memastikan ekonomi negara terus berkembang khususnya dalam sektor industri berteknologi tinggi yang dikuasai oleh warga tempatan, secara tidak langsung ianya mengubah landskap pasaran buruh negara. Graduan ILJTM adalah duta JTM. Kemenjadian mereka adalah cerminan kepada pelaksanaan program latihan kemahiran di JTM. Inspirasi kejayaan ini adalah kejayaan semua khususnya tenaga pengajar dan kegigihan para pelajar.

***“The best way to predict the future, is to create it”***  
**- Abraham Lincoln**

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua graduan yang dipaparkan dalam buku ini. Adalah diharapkan buku ini dapat menjadi rujukan dan inspirasi kepada belia-belia kita di luar sana agar memilih TVET sebagai pilihan utama laluan dan kerjaya.

Sekian, terima kasih.

**SHAKIB BIN AHMAD SHAKIR**  
KETUA PENGARAH  
JABATAN TENAGA MANUSIA

# ISI

# KANDUNGAN

---

<b>01</b>	<b>JABATAN TENAGA MANUSIA</b>	<b>4</b>
	Sejarah Penubuhan	4
	Visi, Misi, Objektif, Fungsi	5
	32 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)	6
<b>02</b>	<b>KEBOLEHPASARAN GRADUAN ILJTM</b>	<b>8</b>
<b>03</b>	<b>INSPIRASI KEJAYAAN ALUMNI</b>	<b>14</b>
	Kluster Mekanikal	15
	Kluster Elektrik dan Elektronik	34
	Kluster Teknologi Maklumat	51
	Kluster Sivil (Bukan Logam)	58
<b>04</b>	<b>KERJASAMA INDUSTRI</b>	<b>61</b>
<b>05</b>	<b>JAWATANKUASA PENERBITAN</b>	<b>62</b>

# JABATAN TENAGA MANUSIA

---

## Sejarah Penubuhan

**Jabatan Tenaga Manusia (JTM)**, yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Tenaga Rakyat (JTR), bertanggungjawab melaksanakan latihan kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir negara. Kemajuan teknologi dan pembangunan ekonomi negara mewujudkan peningkatan keperluan tenaga kerja yang kompeten yang berterusan mengikut kehendak industri. Oleh itu, **fungsi JTM diperkuuhkan** dan menjadikan ia sebuah **agensi peneraju** dalam latihan kemahiran yang melatih pelajar lepasan sekolah dan pekerja sedia ada dalam bidang baru (reskilling) maupun latihan peningkatan kemahiran (upskilling) untuk memastikan kemahiran yang diperolehi mereka selari dengan keperluan semasa. Bermula dengan

penubuhan ILP Kuala Lumpur pada tahun 1964, kini JTM telah mempunyai 32 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) seluruh negara yang terdiri daripada 1 JMTI, 8 ADTEC dan 23 ILP yang menawarkan pelbagai program di peringkat sijil sehingga ke peringkat diploma lanjut. JMTI yang ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) merupakan ILJTM pertama yang menawarkan program di peringkat diploma dan ditubuhkan dengan kerjasama kerajaan Jepun. Dalam RMKe-7 juga, 4 ADTEC turut dibangunkan bagi menawarkan program di peringkat diploma.





# **VISI, MISI, OBJEKTIF, FUNGSI JTM**

## **VISI**

Menjadi organisasi peneraju dalam membangunkan tenaga kerja yang berdaya saing

## **MISI**

Mengeluarkan tenaga kerja yang berdaya saing

## **OBJEKTIF**

Membantu ke arah penggunaan tenaga manusia yang optimum melalui program latihan perindustrian

## **FUNGSI**

Menyedia dan menjalankan program latihan pra-pekerjaan untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia

Meningkatkan tahap kemahiran pekerja sedia ada untuk sektor perindustrian



# 32


Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)





# KEBOLEHPASARAN **GRADUAN ILJTM**

---




Rajah 1: Kebolehpasaran Graduan ILJTM pada Tahun 2020

TVET tidak lagi harus dipandang dengan sebelah mata oleh semua pihak. Persepsi TVET sebagai pilihan kedua perlu diubah kerana rata-rata segenggam ijazah belum mampu memberikan peluang pekerjaan kepada lepasan siswazah pada masa kini.

Dalam dunia yang semakin mencabar, graduan yang memiliki kemahiran dilihat lebih kehadapan dan berdaya saing dalam pasaran kerja. JTM sebagai salah sebuah penyedia latihan TVET terbesar di Malaysia berperanan untuk menyediakan tenaga mahir dan separuh mahir untuk pasaran kerja. Selain menerapkan konsep latihan berasaskan 70% amali dan 30% teori dalam pelaksanaan kurikulum di ILJTM, para pelajar turut diberi pendedahan dalam teknologi berkaitan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) serta keusahawanan sebagai nilai tambah kepada graduan lepasan TVET. Dengan ini, mereka berpotensi untuk menyerlahkan bakat dan meningkatkan kecekapan selain mampu mencipta sendiri pekerjaan serta meraih pendapatan tanpa bergantung kepada pihak lain.

Berdasarkan graf Rajah 1, kebolehpasaran graduan ILJTM mencapai 90.45%, sementara kebolehpasaran dalam bidang mencapai 82.84%.




Rajah 2: Kebolehpasaran Graduan ILJTM pada Tahun 2016-2020

Manakala graf dalam Rajah 2 menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2016-2020, di mana prestasi pencapaian adalah amat baik iaitu melebihi 90% pada setiap tahun. Ini menunjukkan graduan TVET memenuhi kehendak dan keperluan industri.



Rajah 3: Perbandingan Kebolehpasaran dalam Bidang pada Tahun 2010 - 2020

Rajah 3 menunjukkan trend kebolehpasaran dalam bidang bagi graduan ILJTM di mana berlaku peningkatan setiap tahun bergantung kepada keadaan ekonomi negara yang mempengaruhi pasaran kerja. Secara keseluruhannya, graduan ILJTM berjaya mendapatkan pekerjaan yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka semasa di institusi latihan. Hal ini menunjukkan prestasi graduan berada pada tahap yang baik dan kompeten, selari dengan kehendak industri negara. JTM sentiasa menambah baik kualiti latihan dari pelbagai aspek termasuk kurikulum, kompetensi pengajar, peralatan dan prasarana berkaitan bagi menyediakan tenaga mahir negara yang berdaya saing.



Rajah 4: Sektor Pekerjaan Graduan ILJTM pada Tahun 2016 - 2020

Sektor pekerjaan yang diceburi oleh graduan ILJTM pada tahun 2016 - 2020 ditunjukkan dalam Rajah 4. Secara keseluruhannya antara 80%-90% daripada graduan ILJTM memasuki sektor industri, sementara 5%-15% mengusahakan perniagaan sendiri dan selebihnya memilih untuk menyertai sektor awam. Hal ini selari dengan fungsi JTM dalam menyedia dan menjalankan latihan kemahiran pra-pekerjaan untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia. Perbezaan ketara dapat dilihat pada sesi keluaran 2/2020, di mana peningkatan secara mendadak penglibatan graduan ILJTM dalam kategori bekerja sendiri memandangkan situasi getir ekonomi negara akibat pandemik Covid-19 telah mengakibatkan lebih banyak graduan menjana pendapatan sendiri setelah penawaran pekerjaan oleh majikan terjejas.

A dramatic photograph of a welder in a dark, industrial environment. The welder is wearing a dark protective suit and a welding helmet with a bright blue light emanating from it. Sparks are flying from the welding torch, creating a intense blue glow against the dark background. The background is filled with deep shadows and warm orange and yellow light from overhead industrial lights.

**BE** INSPIRED,  
EXTRAORDINARY,  
WORLD CLASS  
with TVET

# INSPIRASI KEJAYAAN ALUMNI

K  
L  
U  
S  
T  
E  
R  
M  
E  
K  
A  
N  
I  
K  
A  
L

KLUSTER  
**MEKANIKAL**

**“Belajar dengan tekun”**



## MOHD ZAKI BIN HUSSIN

**Tahun Graduasi**  
2009

**Jawatan**  
Pengurus Syarikat

**Nama Syarikat**  
ECTruck Repair & Service

**Pendapatan Bulanan**  
RM20,000

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Jitra

**Bidang**  
Sijil Kenderaan Berat Perdagangan

**Falsafah Hidup**  
Belajar dengan tekun, dengar nasihat guru,  
patuh kepada arahan, Insyaallah berjaya



# ROMMIE KANDAU

---

## ANAK EDWIN

Tahun Graduasi  
2011

Jawatan  
Rope Access Technician

Nama Syarikat  
Hi Rope Engineering Sdn. Bhd.

Pendapatan Bulanan  
RM18,000

Pendidikan di ILJTM  
ILP Miri

Bidang  
Sijil Pemasangan Paip Minyak dan Gas

Falsafah Hidup  
Bekerja sehingga mendapat kepuasan  
kejayaan dalam hidup

***“Bekerja  
sehingga  
mendapat  
kepuasan  
kejayaan  
dalam  
hidup”***





# DR. OTHMAN BIN MOHD NOR

**Tahun Graduasi**  
1990

**Jawatan**  
Pensyarah Kanan

**Nama Syarikat**  
UiTM Kampus Seri Iskandar, Perak

**Pendapatan Bulanan**  
RM10,000

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Kuantan

**Bidang**  
Sijil Teknologi Lukisan Seni Bina

**Falsafah Hidup**  
*Moving forward*

**Pencapaian**

- i. Mendapat pengiktirafan top 5 *Interior Designer* di Malaysia
- ii. Menerima 2 kali anugerah pelajar daripada Persatuan Malaysian Institute Interior Designer
- iii. Menerima biasiswa JPA di peringkat Master dan PhD
- iv. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2007 dan 2019

## ***“Moving forward”***



**“Sentiasa  
tingkatkan  
kemahiran”**



## MUHAMMAD SHOLAHUDDIN BIN MOHD SAIMI

---

Tahun Graduasi  
2014

Nama Syarikat  
Sembcorp Marine

Pendidikan di ILJTM  
ILP Kuantan

Falsafah Hidup  
ILP adalah permulaan, sentiasa tingkatkan kemahiran  
hingga ke tahap maksimum/profesional

Jawatan  
Jurukimpal

Pendapatan Bulanan  
RM14,000

Bidang  
Sijil Teknologi Kimpalan

# NURUL HASANAH BINTI SHODIQ



Tahun Graduasi  
2017

Nama Syarikat  
NHS Construction

Pendidikan di ILJTM  
ILP Kuala Langat

Falsafah Hidup  
Semua kejayaan bermula dengan percubaan, tidak mencuba pastinya tidak berjaya

Jawatan  
Pengurus Syarikat

Pendapatan Bulanan  
RM17,000

Bidang  
Diploma Teknologi CADD Senibina

Pencapaian  
Anugerah Pelajar Cemerlang tahun 2015



Kegigihan merupakan tulang belakang kepada wanita hebat ini. Walaupun keputusan SPM beliau kurang memuaskan, beliau tidak patah semangat malah gigih untuk terus memperbaiki diri dengan melanjutkan pengajian di ILP Kuala Langat pada tahun 2011. Sentiasa berazam memberikan yang terbaik sehingga berjaya mendapatkan sijil pada tahun 2013. Beliau meneruskan usaha menimba pengalaman dengan bekerja di salah sebuah syarikat Pemaju dan Perunding Hartanah di Banting, Selangor sebagai pelukis pelan bangunan dan pengurus jabatan sehingga tahun 2014. Ketika itu juga beliau mula berjinak dalam bidang perniagaan dan dengan tekad mengambil langkah pertama iaitu mendaftar syarikat sendiri.

Dalam masa yang sama, demi meningkatkan kompetensi diri, beliau telah menyambung pengajian ke peringkat diploma dalam bidang yang sama di ILP Kuala Langat pada tahun 2015. Kegigihan beliau sangat ketara pada masa ini apabila beliau perlu harungi detik yang sangat mencabar dan memberi tekanan yang hebat pada diri beliau kerana perlu bekerja dan belajar dalam satu masa yang sama. Namun begitu, berkat usaha dan kesabaran serta doa daripada ibu bapa dan keluarga, beliau telah menamatkan pengajian dengan cemerlang sehingga dinobatkan sebagai pelajar terbaik pada tahun 2015.

**“Semua kejayaan bermula dengan percubaan”**

# MUHAMMAD FADHIL BIN SAMSUL HASAN



Tahun Graduasi  
2019

Jawatan  
*Diagnosis Specialist*

Nama Syarikat  
Sime Darby Auto Bavaria BMW

Pendapatan Bulanan  
RM5,800

Pendidikan di ILJTM  
ILP Perai

Bidang  
Sijil Teknologi Automotif

Falsafah Hidup  
Pilih bidang dan kursus yang diminati, baru seronok belajar setiap hari

Pencapaian  
Mewakili ILP Perai dalam sukan go-kart

***“Pilih bidang dan kursus yang diminati, baru seronok belajar setiap hari”***



# MUHAMMAD NABIL BIN YASIN

---

**“Jadikan lebih baik  
dari yang terbaik”**

Tahun Graduasi  
2017

Jawatan  
QC Inspector Piping

Nama Syarikat  
Sembcorp Marine

Pendapatan Bulanan  
RM15,000

Pendidikan di ILJTM  
ILP Kuantan

Bidang  
Diploma Teknologi Fabrikasi Logam

Falsafah Hidup  
Jadikan lebih baik dari yang terbaik

Pencapaian  
Menjalankan pemeriksaan bersama  
pelanggan dari Israel

# MOHAMED KHAIRIL ADZHA BIN MOHD NAZRI



**Tahun Graduasi**  
2019

**Jawatan**  
Welding Assistant

**Nama Syarikat**  
Sapura Energy Berhad

**Pendapatan Bulanan**  
RM6,000

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Kota Bharu

**Bidang**  
Sijil Teknologi Kimpalan

**Falsafah Hidup**  
Tiada perkara yang mudah untuk berjaya

**Pencapaian**  
Memperoleh tempat ke-5 dalam pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB)

***“Tiada perkara yang mudah untuk berjaya”***



## MOHD FAIZ BIN HAMZAH

Tahun Graduasi  
2017

Jawatan  
Jurukimpal

Nama Syarikat  
EPIC OG Sdn. Bhd.

Pendapatan Bulanan  
RM5,000

Pendidikan di ILJTM  
ILP Kuantan

Bidang  
Sijil Teknologi Kimpalan Arka  
dan Gas

Falsafah Hidup  
Kita yang usaha, kita yang dapat

**“Kita  
yang  
usaha,  
kita  
yang  
dapat”**





# MUHAMMAD AIMAN BIN MAHAMAD SHUKRI

**Tahun Graduasi**  
2018

**Nama Syarikat**  
Aiman Shukri Enterprise

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Ipoh

**Falsafah Hidup**  
Setiap perniagaan ada jatuh bangun,  
jangan berputus asa

**Jawatan**  
Pengurus Syarikat

**Pendapatan Bulanan**  
RM10,000

**Bidang**  
Sijil Teknologi Kimpalan

**Pencapaian**  
Dianugerahkan *Best Project Award*  
(Projek Besar Gua Naga Mas)



Anak kelahiran Perak ini berpegang kepada prinsip jangan jemu untuk menuntut ilmu. Berlandaskan prinsip itu, walaupun beliau telah dianugerahkan Diploma dalam bidang Penyamanan Udara & Penyejukbekuan di Politeknik Ungku Omar dan dianugerahkan sebagai pelajar cemerlang pada setiap semester, ianya tidak menjadi penghalang untuk beliau menambahkan lagi ilmu pengetahuan dengan menyambung pengajian bagi mendapatkan sijil dalam bidang Teknologi Kimpalan di ILP Ipoh. Semasa melanjutkan pengajian di ILP Ipoh dan dengan menggunakan kemahiran yang sedia ada, beliau mula menjinakkan diri dalam dunia perniagaan secara sambilan. Walaupun kesibukan sebagai seorang pelajar sepenuh masa, ianya tidak mematahkan semangat beliau untuk menjalankan perniagaan pada hujung minggu. Semangat untuk terus maju dalam perniagaan juga semakin berkobar-kobar apabila beliau diberi peluang untuk turut serta dalam kursus e-keusahawanan yang diikuti semasa berada di ILP Ipoh. Semasa kursus itu beliau telah mempelajari pelbagai teknik menggunakan media sosial sebagai platform menjalankan perniagaan. Semenjak itu, platform facebook banyak memberikan peningkatan pelanggan kepada perniagaan beliau sehingga mendapat jualan yang membanggakan.

**“Setiap perniagaan  
ada jatuh bangun,  
jangan berputus asa”**



# MOHD KHAIRUL ANUAR BIN KATMIDI

Tahun Graduasi  
2016

Jawatan  
*Field Mechanical Technician*

Nama Syarikat  
Fieldcore Services Solutions Malaysia Sdn. Bhd.



Pendapatan Bulanan  
RM10,000

Pendidikan di ILJTM  
ADTEC Batu Pahat

Bidang  
Sijil Teknologi Minyak & Gas Mechanical –  
*Plant Downstream*

Falsafah Hidup  
Berapa lama mana pun masa yang diambil  
untuk berjaya, jangan sekali pernah berputus asa.  
*Good things take time, so be patient*

Pencapaian  
i. Diberi kepercayaan menjadi *Lifting Supervisor*  
ii. Diberi peluang bekerja di luar negara iaitu  
Kuwait, Taiwan, Hong Kong, Filipina, Thailand,  
Singapura dan Korea



**Berapa lama mana pun masa yang diambil untuk berjaya, jangan sesekali pernah berputus asa. “Good things take time, so be patient”.** Kata-kata inilah yang menjadi perangsang kepada Mohd Khairul Anuar bin Katmidi untuk berjaya di dalam bidang minyak dan gas. Beliau pernah gagal dalam pengajian, bila mana suatu ketika dahulu, beliau gagal menamatkan kursus Diploma Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang. Namun, itu bukanlah penghalang untuk beliau terus mengukir kejayaan dalam hidup. Berbekalkan semangat, gagal sekali bukanlah gagal selamanya, beliau meneruskan kehidupan dan bekerja di PETRONAS Chemicals Fertiliser Kedah Sdn. Bhd. yang terletak di Gurun, Kedah sebagai pembantu. Minat yang mendalam di dalam bidang teknologi minyak dan gas, mendorong beliau untuk melanjutkan pengajian di ADTEC Batu Pahat dan seterusnya dengan Sijil Teknologi Minyak dan Gas Mechanical - Plant Downstream. Kemahiran yang diperolehi sepanjang menuntut di ADTEC Batu Pahat dimanfaatkan sepenuhnya oleh beliau apabila berjaya menjawat jawatan sebagai *Field Mechanical Technician* di Fieldcore Service Solutions Malaysia Sdn. Bhd. Hasil usaha dan perit jerih sepanjang belajar, beliau kini mampu tersenyum dengan pendapatan bulanan menccah lebih dari RM10,000 sebulan. Hasil komitmen dan kesungguhan, beliau diberikan kepercayaan dan dilantik sebagai *Lifting Supervisor*. Selain itu, beliau pernah juga diberikan peluang oleh pihak syarikat untuk menimba pengalaman bekerja di luar negara seperti di Kuwait, Taiwan, Hong Kong, Filipina, Thailand, Singapura dan Korea. Tentunya pengalaman ini mampu memberikan pengalaman yang berharga untuk dikenang kelak.

## **“Good things take time, so be patient”**





# MUHAMMAD MUSLIM

## BIN ABDUL HALIM

Tahun Graduasi  
2018

Nama Syarikat  
Myjet Xpress Airlines Sdn. Bhd.

Pendidikan di ILJTM  
ADTEC Shah Alam

Falsafah Hidup  
Lakukan yang terbaik apa yang ada di hadapan  
dan teruslah berjalan di bawah takdir Tuhan

Jawatan  
Juruteknik CAT A

Pendapatan Bulanan  
RM7,000

Bidang  
Diploma Teknologi Kejuruteraan  
Penyelenggaraan Kapal Terbang

**“Lakukan yang terbaik”**



# WAN NUR HIDAYAH

## BINTI WAN MUHAMMAD

---

Tahun Graduasi  
2003

Jawatan  
Factory Manager

Nama Syarikat  
KHM Foodies Sdn. Bhd.

Pendapatan Bulanan  
RM8,700

Pendidikan di ILJTM  
ILP Kuantan

Bidang  
Sijil Teknologi Pembuatan (Tool & Die)

Falsafah Hidup  
*Moving forward*

Pencapaian  
i. Anugerah pelajar terbaik sesi 1/2001  
ii. Anugerah pelajar terbaik sesi 2/2002





# ANAS BIN ABD MALIK

---

**Tahun Graduasi**  
2016

**Nama Syarikat**  
Anod Garage Sdn. Bhd.

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Jitra

**Falsafah Hidup**  
Di mana ada kemahuan, disitu ada jalan

**Jawatan**  
Pengurus Syarikat

**Pendapatan Bulanan**  
RM10,000

**Bidang**  
Sijil Teknologi Kenderaan  
Berat Perdagangan



**“Di mana ada kemahuan,  
disitu ada jalan”**



# YAP CHEE CHIANG

---

**Tahun Graduasi**  
2012

**Nama Syarikat**  
Sapura Energy

**Pendidikan di ILJTM**  
ADTEC Shah Alam

**Falsafah Hidup**  
*Continue and focus on learning  
with no exception*

**Jawatan**  
Lead Construction Engineer

**Pendapatan Bulanan**  
RM10,000

**Bidang**  
Diploma Teknologi Kimpalan

**Pencapaian**  
Mempunyai Certification Scheme for  
Welding Inspection Personnel (CSWIP)



**“Continue and focus on  
learning with no exception”**

K  
L  
U  
S  
T  
E  
R  
E  
L  
E  
T  
R  
I  
K  
&  
E  
L  
E  
T  
R  
O  
N  
I  
K

KLUSTER  
**ELETRÍK &  
ELETRONIK**



# MOHALIS BIN MASRI

---

**Tahun Graduasi**  
1993

**Nama Syarikat**  
Kaneka Paste Polymers

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Kuantan

**Falsafah Hidup**  
Yakin dan usaha untuk terus berjaya

**Jawatan**  
Pengurus Operasi

**Pendapatan Bulanan**  
RM11,000

**Bidang**  
Sijil Teknologi Pendawaian Elektrik

**Pencapaian**  
i. Anugerah Pekerja Terbaik 2018  
ii. Menjalani latihan kerja di Osaka, Jepun

**“Yakin dan usaha  
untuk terus berjaya”**



# JUSNI BIN SIMOTO

---

**Tahun Graduasi**  
2013

**Jawatan**  
Kontraktor

**Nama Syarikat**  
Wak Jusz Maju

**Pendapatan Bulanan**  
RM10,000

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Miri

**Bidang**  
Sijil Teknologi Telekomunikasi

**Falsafah Hidup**  
Kejayaan tidak akan datang tanpa usaha, doa dan tawakal. Semua itu memerlukan pengorbanan. Susah payah mujahadah dalam diri. Niatkan dalam hidup ini untuk mencari redha Allah

**Pencapaian**

- i. Dilantik sebagai Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada tahun 2011
- ii. Dinobatkan sebagai pelajar terbaik dalam kursus Sijil Teknologi Telekomunikasi



**“Kejayaan tidak akan datang tanpa usaha, doa dan tawakal”**





# ABDUL WAFRY NUR IMAN

## BIN ABDUL MANAN

Tahun Graduasi  
2016

Nama Syarikat  
Evertronics (M) Sdn. Bhd.

Pendidikan di ILJTM  
ADTEC Taiping

Falsafah Hidup  
*If opportunity does not knock, build a door*

Jawatan  
Pengarah Urusan

Pendapatan Bulanan  
RM20,000

Bidang  
Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekatronik


Pencapaian

- i. Menjuarai pertandingan sepak takraw peringkat kebangsaan
- ii. Mewakili ADTEC Taiping ke pertandingan robotik

Abdul Wafry Nur Iman bin Abdul Manan, anak kelahiran Ipoh, Perak ini pernah bekerja sebagai cable puller / jointer di sebuah syarikat telekomunikasi selepas tamat pendidikan menengah di SMK St. Michael's Ipoh, Perak. Beliau seterusnya meneruskan pengajian di ADTEC Taiping dan dianugerahkan Diploma dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Mekatronik pada tahun 2016. Sepanjang pengajian beliau di ADTEC Taiping, beliau pernah mewakili institut dalam pertandingan robotik. Beliau juga aktif dalam sukan dan pernah menjuarai pertandingan sepak takraw di peringkat kebangsaan. Beliau pernah menjalani latihan industri di K-One Industry Sdn. Bhd. selama 6

bulan sebelum tamat pengajian di ADTEC Taiping. Selepas tamat pengajian, beliau mulakan kerjaya sebagai penyelia projek di Syarikat Evertronics (M) Sdn. Bhd. Berbekalkan kemahiran dan pengalaman yang ada, beliau seterusnya diberikan kepercayaan dan dilantik sebagai Pengarah Urusan di Syarikat Evertronics (M) Sdn. Bhd. milik keluarga beliau sendiri yang telah diusahakan sejak tahun 1990. Dengan membawa falsafah hidup "**If opportunity does not knock, build a door**", beliau kini boleh berbangga dengan hasil titik peluhnya menguruskan syarikat apabila pendapatan bulanan menjangkau RM20,000 sebulan. Sesungguhnya, usaha itu membawa kejayaan.

**"If opportunity does not knock, build a door"**





# MUHAMMAD AKIF AIMAN BIN AHMAD YUSSOF

Tahun Graduasi  
2017

Nama Syarikat  
Azbil Pte. Ltd, Singapura

Pendidikan di ILJTM  
ILP Pasir Gudang

Falsafah Hidup  
Apapun terjadi Allah SWT sentiasa bersama kita

Jawatan  
Juruteknik

Pendapatan Bulanan  
RM5,000

Bidang  
Sijil Teknologi Elektrik

***“Apapun terjadi Allah SWT  
sentiasa bersama kita”***



# MASRIK BIN ANTANG

---



**Tahun Graduasi**  
2018

**Nama Syarikat**  
Hyper One Engineering Kft.

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Pasir Gudang

**Falsafah Hidup**  
Prinsip tidak mudah putus asa menjadikan impian dan matlamat hidup tercapai kerana usaha tidak akan mengkhianati hasil

**Jawatan**  
Juruteknik

**Pendapatan Bulanan**  
RM8,000

**Bidang**  
Sijil Teknologi Elektrik

***“Prinsip tidak mudah putus asa”***



# MUHAMMAD AIZAT IMRAN BIN ABU BAKAR

**Tahun Graduasi**  
2016

**Jawatan**  
*Mechanical & Electrical (M & E) Project Executive*

**Nama Syarikat**  
Eco Interior International Sdn. Bhd.

**Pendapatan Bulanan**  
RM11,000

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Ipoh

**Bidang**  
Sijil Teknologi Elektrik 3 Fasa (PW4)

**Falsafah Hidup**  
Jikalau kita tidak berusaha untuk mendaki ke atas, maka kita tidak akan berada di atas

**Pencapaian**  
Diberi kepercayaan mengendalikan projek di Cambodia



Setelah tamat pendidikan menengah, beliau mengambil keputusan untuk melanjutkan pengajian ke ILP Ipoh. Beliau merupakan graduan dalam bidang Teknologi Elektrik pada tahun 2016 dan ditauliahkan sijil dalam bidang Teknologi Elektrik- 3 Fasa (PW4). Beliau percaya yang kejayaan boleh diperoleh dengan terus berusaha dan tidak pernah berputus asa dalam mengharungi segala ujian yang mendatang. Nasihat beliau, harungi segala ujian dengan sabar dan anggap setiap ujian yang hadir itu sebagai pengalaman hidup. Beliau dimaklumkan pernah bekerja dengan gaji bulanan hanya RM1,500 sahaja. Namun, beliau sentiasa percayakan diri sendiri dengan terus berusaha, kejayaan tidak datang bergolek tanpa usaha. Kini, beliau mampu berbangga dengan pendapatan bulanan sebanyak RM11,000. Berkongsi kisah, beliau yang menjawat jawatan sebagai M&E Project Executive di Syarikat Eco Interior International Sdn. Bhd. pernah diberikan kepercayaan penuh oleh pihak syarikat untuk mengendalikan projek di Cambodia. Itulah antara kenangan manis sepanjang kerjaya beliau di syarikat ini. Akhir kata, beliau percaya tiada apa yang mustahil di dunia ini, semuanya mampu diraih.

***“Jikalau kita tidak berusaha untuk mendaki ke atas, maka kita tidak akan berada di atas”***





# MUHAMMAD HAREZ BIN ROSLI

**Tahun Graduasi**  
2017

**Nama Syarikat**  
Hijrah Teguh Resources/Halinet Link Sdn. Bhd.

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Miri

**Falsafah Hidup**  
Duit dapat dicari, doa ibu bapa itu penting. Adab tetap perkara pertama. Adab hilang maka tiada makna duit yang diperolehi. Biar miskin janji kaya adab. Adab harta paling berharga

**Jawatan**  
*Vice Director*

**Pendapatan Bulanan**  
RM11,000

**Bidang**  
Sijil Teknologi Telekomunikasi

**Pencapaian**  
Anugerah pelajar terbaik Inovasi dan e-Keusahawanan

Muhammad Harez bin Rosli memulakan pengajian di ILP Miri dalam bidang Teknologi Telekomunikasi pada tahun 2015. Hasil ketekunan beliau, beliau telah berjaya meraih Anugerah Pelajar Terbaik Inovasi dan e-Keusahawanan. Selain menunjukkan prestasi yang baik dalam latihan, beliau sangat disenangi oleh para pengajar dan rakan kerana sifat dan keperibadiannya yang bersopan santun dan suka membantu orang lain. Beliau juga seorang yang berpandangan jauh dan berani. Setelah tamat pengajian, beliau telah bekerjasama dengan rakan beliau untuk menujuhkan sebuah syarikat yang dapat berbakti kepada penduduk di kawasan pedalaman iaitu dengan menyediakan rangkaian internet supaya mereka dapat menikmati kemudahan yang telah diberikan.

***“Biar miskin harta  
janji kaya adab.  
Adab harta yang  
paling berharga”***





# MUHD ZULFADHLIE BIN OMAR

---

**Tahun Graduasi**  
2020

**Nama Syarikat**  
Mas Mohd & Son Enterprise

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Miri

**Falsafah Hidup**  
*Work smart & never give up*

**Jawatan**  
Pengurus Syarikat

**Pendapatan Bulanan**  
RM10,000

**Bidang**  
Sijil Teknologi Elektrik

**Pencapaian**  
Memenangi tender projek pembinaan sekolah baru



Berbekalkan kemahiran yang diperoleh dalam bidang Teknologi Elektrik di ILP Miri selama 2 tahun, Muhd Zulfadhlie bin Omar telah mula menu buhkan sebuah syarikat pembinaan dan pembekal barang-barang elektrik pada semester akhir pengajian beliau. Beliau yang juga aktif dalam aktiviti sukan semasa di institut dan merupakan pelajar yang berani dan tidak mudah putus asa. Keyakinan dan semangat berani beliau menu buhkan syarikat tersebut adalah hasil dorongan dan sokongan keluarga beliau.



Setelah tamat pengajian, beliau terus fokus kepada pengurusan syarikat dan pada masa yang sama, menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam beberapa bidang tertentu supaya dapat mengembangkan perniagaan beliau pada masa akan datang.

***“Work smart & never give up”***



# MOHD SHAIFULIAKIN BIN ALIYAH

Tahun Graduasi  
2018

Jawatan  
Pengarah Urusan

Nama Syarikat  
SY Bina Mahligai

Pendapatan Bulanan  
RM5,500

Pendidikan di ILJT  
ADTEC Kemaman

Bidang  
Diploma Teknologi Elektrik Kuasa

**Falsafah Hidup**  
Berilah lebih banyak ilmu dan kebaikan daripada apa yang kita dapat, nescaya kita akan mendapat lebih banyak ilmu dan kebaikan di kemudian hari. Jangan kedekut tenaga dan ilmu, walaupun sebagai pelajar kerana kejayaan bukan sahaja terletak pada usaha tetapi pada doa dan keredhaan dari ibu bapa dan pengajar.



# KAMARUDDIN BIN MOHD ALI

---

**Tahun Graduasi**  
1990

**Nama Syarikat**  
Celcom Networks Sdn. Bhd.

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Bukit Katil

**Falsafah Hidup**  
Fokus untuk berjaya

**Jawatan**  
Subject Matter Expert (SME)

**Pendapatan Bulanan**  
RM7,800

**Bidang**  
Sijil Teknologi Elektronik Radio dan TV

**Pencapaian**  
Dilantik sebagai Ketua Unit kawasan tengah dan terkini sebagai pakar dalam perjawatan

## “Fokus untuk berjaya”



# SYARIFAH NOR FAZILAH BIN SYED TALIB

---

**Tahun Graduasi**  
1994

**Nama Syarikat**  
Nur Alisha Enterprise

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Kuantan

**Falsafah Hidup**  
*If you want something, you must put effort on it*

**Jawatan**  
Pengurus Syarikat

**Pendapatan Bulanan**  
RM10,000

**Bidang**  
Sijil Teknologi Elektronik Radio dan TV

**Pencapaian**  
Menjuarai Team Leader Kaizen

***“If you want something,  
you must put effort on it”***

K  
L  
U  
S  
T  
E  
R  
T  
E  
K  
N  
O  
L  
O  
G  
I  
M  
A  
K  
L  
U  
M  
A  
T  
L

---

KLUSTER  
**TEKNOLOGI  
MAKLUMAT**





# AHMAD MAULANA BIN NGERMEN

**Tahun Graduasi**  
2011

**Jawatan**  
*Wireline Operator  
cum Coiled Tubing*

**Nama Syarikat**  
Schumblenger

**Pendapatan Bulanan**  
RM20,000

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Miri

**Bidang**  
Sijil Teknologi Komputer Rangkaian

**Falsafah Hidup**  
Teruskan berusaha walaupun sering jatuh, peluang sentiasa terbuka

***“Teruskan berusaha  
walaupun sering jatuh”***

# MUHAMMAD RIDHAUDDIN HARIZ BIN ROSLI



Tahun Graduasi  
2014

Jawatan  
*Chief Marketing Officer*

Nama Syarikat  
Juman Worldwide Resources Sdn. Bhd.

Pendapatan Bulanan  
RM9,000

Pendidikan di ILJTM  
ADTEC Melaka

Bidang  
Diploma Teknologi Komputer Sistem

Falsafah Hidup  
*First do it, then do it right, then do it better*

Pencapaian  
Anugerah Tokoh Alumni

***“First do it, then do it right,  
then do it better”***



# MUAZ BIN MOHD SHAKROL BAHADI

---

**“Do not lose hope in  
Allah’s Love & Mercy”**

**Tahun Graduasi**  
2017

**Nama Syarikat**  
Healttopedia Sdn. Bhd.

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Selendar

**Falsafah Hidup**  
*Do not lose hope in Allah’s Love & Mercy*

**Jawatan**  
Ketua Pegawai Operasi

**Pendapatan Bulanan**  
RM5,000

**Bidang**  
Sijil Teknologi Komputer Pengaturcaraan

**Pencapaian**

- i. Memperoleh pingat perak di *Competition of Creation, Innovation Technology* (CITEX) pada tahun 2015
- ii. Menerima Anugerah Graduan Terbaik ILJTM pada tahun 2017
- iii. Menerima Anugerah pingat emas di Persidangan Inovasi Antarabangsa di Bangkok, Thailand tahun 2020

# EDIE NORFAZLIN

## BIN ABDUL KADIR



**Tahun Graduasi**  
2019

**Nama Syarikat**  
NewDot Imaging Sdn. Bhd.

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Nibong Tebal

**Falsafah Hidup**  
*Just do what you love to do and the success will come to you, ignore what people say to you. Only you know what is good for you. Keep learning, keep asking, that is how you grow. Everything's gonna be great when you do good work*

**Jawatan**  
Senior Graphic Designer

**Pendapatan Bulanan**  
RM7,000

**Bidang**  
Sijil Teknologi Rekabentuk Grafik

**Pencapaian**  
Menyertai WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) pada tahun 2017 dan mendapat tempat ke-3



“

**Just do what you  
love to do and  
the success will  
come to you** ”



# AMMAR MUNAJAF BIN ABD MOIN

Tahun Graduasi  
2017

Jawatan  
*Fronted Developer*

Nama Syarikat  
Maybank Shared Services Sdn. Bhd.

Pendapatan Bulanan  
RM6,300

Pendidikan di ILJTM  
ADTEC Taiping

Bidang  
Diploma Teknologi Komputer Sistem

Falsafah Hidup  
*Hard work beats talent*



**“*Hard work  
beats talent*”**

# MOHD NOR ZHARIF BIN IDRUS



Tahun Graduasi  
2012

Jawatan  
Pengarah Syarikat

Nama Syarikat  
Antech Solution Ent. dan SWCorp

Pendapatan Bulanan  
RM9,500

Pendidikan di ILJTM  
ILP Kangar

Bidang  
Sijil Teknologi Komputer Rangkaian

Falsafah Hidup  
Jangan sesekali katakan tidak selepas  
berhadapan dengan kegagalan

Pencapaian  
Dilantik sebagai Presiden Majlis Perwakilan  
Pelajar (MPP)

**“Jangan sesekali katakan  
tidak selepas berhadapan  
dengan kegagalan”**

K  
L  
U  
S  
T  
E  
R  
S  
I  
V  
I  
L



# KLUSTER **SIVIL [BUKAN LOGAM]**



# MUHAMMAD FIRDAUS BIN AZMY

---

**Tahun Graduasi**  
2019

**Nama Syarikat**  
Aouss Furniture

**Pendidikan di ILJTM**  
ILP Kuala Terengganu

**Falsafah Hidup**

Kejayaan itu tercipta hasil dari kegagalan. Jangan kamu kecewa jika gagal, kerana kegagalan itu adalah permulaan untuk menempuh kejayaan

**Jawatan**  
Pengurus Syarikat

**Pendapatan Bulanan**  
RM10,000

**Bidang**  
Sijil Teknologi Binaan (Berasaskan Kayu)

**Pencapaian**

- i. Pelajar terbaik e-Keusahawanan 2018
- ii. Pingat Perak WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) 2018
- iii. Pingat Perak WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) 2019
- iv. Mewakili Malaysia ke WorldSkills Competition (WSC) 2022, Shanghai



Muhammad Firdaus bin Azmy, anak kelahiran Ajil, Terengganu merupakan graduan dalam bidang Teknologi Binaan (Berasaskan Kayu) dari ILP Kuala Terengganu. Beliau pernah dianugerahkan sebagai Pelajar Terbaik e-Keusahawanan 2018 dan Tokoh Pelajar Terbaik Sesi 1/2019. Beliau juga pernah terpilih sebanyak dua kali untuk mewakili ILJTM dalam pertandingan WSMB dan berjaya meraih pingat perak pada tahun 2018 dan 2019 secara berturut-turut. Di atas kejayaan cemerlang beliau di peringkat kebangsaan, beliau telah terpilih untuk mewakili Malaysia ke WSC 2022 yang diadakan di Shanghai pada 12-17 Oktober 2022. Berbekalkan kemahiran yang telah dipelajari, beliau telah mula bekerja di salah sebuah kedai perniagaan kayu pallet. Bagi mengembangkan kemahiran beliau dalam teknologi perabot, beliau telah mendalami kemahiran ukiran kerawang dan mula berjinak mengusahakan sendiri perabot berasaskan kayu pallet selama satu tahun dan kini telah menerokai dalam pembuatan perabot moden.

A photograph showing a construction worker from behind, wearing a yellow hard hat and safety harness, working on a wooden truss structure. He is reaching up towards the top chord of the truss. The structure is made of light-colored wooden beams and has several blue pegboard panels attached to the inner surfaces.

**“Kejayaan  
itu tercipta  
hasil dari  
kegagalan”**

# KERJASAMA INDUSTRI

---

Kerjasama ILJTM dan industri adalah program di mana pihak ILJTM bekerjasama dengan industri dalam bidang latihan kemahiran, penyelidikan dan proses pengajaran serta pembelajaran. Kerjasama yang berlaku memberi kebaikan dan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak termasuklah pelajar yang terlibat secara langsung dalam membangunkan sumber manusia negara yang berkualiti dan kompeten. Sebagai usaha untuk mengarusperdanakan bidang TVET yang berkualiti, kerjasama antara ILJTM dan industri menjadi salah satu program yang mampu memberi pelbagai kebaikan kepada pelbagai pihak terutamanya dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi negara. Kerjasama ini juga memberi kesan kepada kebolehpasaran graduan, peningkatan kualiti kemahiran graduan, meningkatkan kualiti kurikulum kemahiran teknikal dan vokasional.



# JAWATANKUASA PENERBITAN

---

## PENAUNG

Shakib bin Ahmad Shakir

## PENASIHAT

Mat Setia bin Mohd Raji

## KETUA EDITOR

Junnaina binti Husin Chua

## EDITOR

Noor Hayati binti Halimi

Siti Norhidayah binti Umar

Nur Athiah binti Che Udin

Nor Faizah binti Abdul Karim

Rodzidah binti Mohd Rodzi

Nor Amiza binti Shaari





**BE** INSPIRED,  
EXTRAORDINARY,  
WORLD CLASS  
with **TVET**



JABATAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
ARAS 6 & 8, BLOK D4, KOMPLEKS D  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62530, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

- +603 8886 5555
- +603 8889 2417
- <http://www.jtm.gov.my>
- <https://www.facebook.com/jtmksm>